

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang

Pada 31 Mac hingga 8 April 1977 , kira - kira 400 cerdik pandai dan pemikir - pemikir Islam dari seluruh pelusuk dunia berkumpul di Makkah al - Mukarramah untuk pertama kalinya dalam Persidangan Sedunia Pendidikan Islam anjuran Universiti Malik Abdul Aziz , Jeddah . Dalam persidangan tersebut , beberapa keputusan kesepakatan telah diambil bahawa sistem pendidikan di negara - negara umat Islam didominasi oleh konsep sekularisme yang tidak berpaksikan kepada ketuhanan . Implikasinya menjadikan jenerasi Islam terasing dari kesempurnaan pandangan hidup Islam sebagai hamba dan khalifah Allah yang diamanahkan untuk melaksanakan syariat Allah yang ditetapkan di dunia . Justeru persidangan ini mempersetujui bahawa sistem pendidikan yang sedang beroperasi di negara - negara umat Islam mestilah dirombak dan berpaksikan Islam . Konsep - konsep sekularisme dalam pengajian kemanusiaan , sains sosial dan sains tabii perlu digantikan dengan konsep - konsep Islam . Begitulah juga dengan unsur - unsur penyerapan mestilah diselaraskan dengan tuntutan Islam agar tidak menimbulkan keraguan di kalangan jenerasi Islam .

Bagi merealisasikan keputusan muktamar Makkah al - Mukarramah , Kementerian Pendidikan Malaysia ( KPM ) telah melaksanakan reformasi dasar dan sistem pendidikan kebangsaan secara menyeluruh dan bersepadu yang melibatkan semua pihak dalam dan luar KPM . Reformasi tersebut berlandaskan kepada perakuan - perakuan yang terdapat dalam *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979* . Perakuan - perakuan dalam laporan itu adalah selaras dengan keputusan muktamar tersebut yang menetapkan supaya dasar dan sistem pendidikan negara disemak semula berdasarkan kepada keperluan semasa dan memberi keutamaan kepada pendidikan kemanusiaan yang sclaras dengan tuntutan agama Islam yang maha suci . Kemuncak kepada reformasi pendidikan tersebut ialah pelaksanaan penuh Kurikulum Baru Sekolah Rendah ( KBSR ) mulai tahun 1983 hingga 1994 . Disusuli pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah mulai tahun 1995 hingga kini . Bagi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah ( KBSM ) pula ia dilaksanakan mulai tahun 1988 tetapi terhad kepada empat mata pelajaran bahasa . Pelaksanaan sepenuhnya dilakukan pada tahun 1989 dan berkekalan hingga sekarang . Oleh kerana mata pelajaran Pendidikan Islam adalah salah satu mata pelajaran dalam ketiga - tiga kurikulum tersebut maka Pendidikan Islam juga turut direformasikan sama seperti mata - mata pelajaran yang lain .

Dalam usaha untuk mereformasikan dasar dan sistem pendidikan kebangsaan negara kita berkonsepkan sekularisme yang telah bertapak begitu lama sejak zaman sebelum dan selepas merdeka dan mengantikannya dengan konsep Islam maka pada

tahun 1988 , pihak KPM telah menggubal pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan<sup>1</sup> berpaksikan ketuhanan yang maha esa menjadi teras dan hala tuju dasar dan sistem pendidikan kebangsaan negara kita . Pernyataan falsafah ini menjadi garis panduan kepada pelaksanaan mata - mata pelajaran dalam kurikulum baru dan bersepadu sekolah rendah dan menengah . Di samping itu , pihak KPM juga telah menggubal satu lagi pernyataan falsafah pendidikan khusus untuk mata pelajaran Pendidikan Islam<sup>2</sup> . Pernyataan Falsafah Pendidikan Islam ini menjadi garis panduan mata pelajaran Pendidikan Islam kurikulum baru dan bersepadu sekolah rendah dan menengah .

Selain itu , beberapa langkah telah diambil oleh KPM untuk mempastikan konsep Islam yang berteraskan ketuhanan yang maha esa dapat diterap dalam semua mata pelajaran di sekolah rendah dan menengah . Antaranya mengislamisasikan konsep ilmu pengetahuan dalam bidang pengajian kemanusiaan , sains sosial dan sains tabii<sup>3</sup> ; menyerapkan nilai - nilai murni yang selaras dengan akhlak Islam dalam semua mata pelajaran<sup>4</sup> ; mempastikan nilai - nilai murni merentas kurikulum dalam

---

<sup>1</sup> *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah* .  
Penerbit dan Pencetak : Pusat Perkembangan Kurikulum  
( 1995 ) , h . 4 .

<sup>2</sup> ' Falsafah , Matlamat dan Objektif Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah ' ( Kertas Kerja Bahagian Pendidikan Islam Untuk Kursus Orientasi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah di Pusat Perkembangan Kurikulum , Mac 1988 ) , h . 6 .

<sup>3</sup> Ahmad Mohd . Said ( 1989 ) , ' Islamisasi Mata Pelajaran Peringkat Sekolah Menengah : Rujukan Kepada KBSM ' ( Kertas Kerja Kursus Orientasi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah di Pusat Perkembangan Kurikulum , Mei 1989 ) , h . 4 .

<sup>4</sup> \_\_\_\_\_ ( 1991 ) , ' Etika Dalam Pendidikan ' ( Kertas Kerja Kursus Orientasi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah di Pusat Perkembangan Kurikulum , Ogos 1991 ) , h . 19 .

pengajaran dan pembelajaran<sup>5</sup>; dan membimbing dan mendidik pelajar-pelajar mengamal dan menghayati sifat-sifat terpuji di dalam bilik darjah dan kawasan sekolah<sup>6</sup>.

Dalam konteks mata pelajaran agama itu sendiri, beberapa mata pelajaran telah diperkenalkan. Untuk kurikulum baru dan bersepadan sekolah rendah ialah Pendidikan Islam. Manakala KBSM pula ialah Pendidikan Islam teras, Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiyah dan Tasawwur Islam. Isi kandungan semua mata pelajaran tersebut mendedahkan kepada pelajar-pelajar tentang kepelbagaiannya ilmu pengetahuan Islam yang merangkumi aspek pendidikan, sosial, ekonomi, politik, kebudayaan dan keagamaan. Dengan pendedahan ilmu pengetahuan dan kemahiran tersebut, pelajar-pelajar telah mendapat satu persepsi baru tentang kesempurnaan ajaran Islam untuk diamal dan dihayati dalam kehidupan seharian.

Kajian ini akan menyusuli sejarah pembentukan kurikulum Pendidikan Islam KBSR supaya selaras dengan perakuan berkaitan Pendidikan Islam dalam *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979* dan resolusi muktamar Makkah al-Mukarramah.

---

<sup>5</sup> *Ibid.*, h. 20.

<sup>6</sup> *Ibid.*

## **Definisi Tajuk**

Disertasi ini bertajuk ‘ Pendidikan Islam KBSR : Asas Pembentukan dan Pelaksanaannya ’ . Pendidikan Islam KBSR adalah merujuk kepada Kurikulum Baru Sekolah Rendah dilaksanakan pada tahun 1983 hingga 1994 dan juga Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah yang mula dilaksanakan pada tahun 1995 . Asas pembentukan kurikulum adalah merujuk kepada unsur - unsur pembentukan kurikulum termasuk Falsafah Pendidikan Kebangsaan , Falsafah Pendidikan Islam . *Laporan Razak 1956 , Laporan Rahman Talib 1960 , Akta Pelajaran 1961 dan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979* . Manakala asas pelaksanaan Pendidikan Islam KBSR pula merujuk kepada laporan pelaksanaan terhad dan penuh KBSR serta pelaksanaan Pendidikan Islam sebelum 1994 termasuk laporan USM .

## **Batasan Kajian**

Data analisis dan rumusan kajian ini adalah terbatas kepada perkara - perkara yang terdapat dalam dokumen - dokumen yang dijelaskan dalam metodologi kajian sahaja seperti kertas dasar , kertas makluman , bahan kurikulum , kertas edaran dan laporan pelaksanaan terhad Pendidikan Islam sebelum pelaksanaan KBSR 1979 hingga 1981 , pelaksanaan terhad KBSR 1982 hingga 1987 dan pelaksanaan penuh KBSR 1983 hingga 1994 serta pengalaman penyelidik sendiri . Analisis tidak mengambil kira laporan - laporan selepas tahun 1994 dan juga pengalaman sekolah - sekolah swasta yang berpandukan KBSR .

## **Tujuan Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mendokumentasikan asas penggubalan Pendidikan Islam kurikulum baru dan bersepadu sekolah rendah termasuk penyediaan bahan , percubaan dan pelaksanaan penuh sukanan pelajaran serta impaknya kepada pelajar - pelajar sekolah rendah . Aspek kelemahan yang dikesan dalam prosesan tersebut boleh dibaiki sementara kekuatannya dipertingkatkan untuk kepentingan pelaksanaan Pendidikan Islam kini dan akan datang

## **Kepentingan Kajian**

Pendokumentasian proses penggubalan dan pelaksanaan terhad dan penuh Pendidikan Islam kurikulum baru dan bersepadu sekolah rendah akan menyediakan suatu rekod pendidikan yang boleh dirujuk dan dinilai oleh pengkaji , penggubal , pelaksana dan penilai Pendidikan Islam kini dan akan datang seperti pegawai kurikulum , guru - guru agama , penyelia agama peringkat negeri dan daerah dan pegawai kenaziran sekolah . Maklumat dan pelaporan pihak berkenaan dapat memantapkan kurikulum Pendidikan Islam dan dapat melaksanakannya dengan lebih berkesan .

## **Metodologi Kajian**

Sumber primer penyediaan disertasi adalah dokumen - dokumen yang berkaitan percubaan dan pelaksanaan Pendidikan Islam kurikulum baru dan bersepadu sekolah rendah . Dokumen - dokumen itu ialah kertas dasar , kertas makluman , bahan - bahan

kurikulum , kertas - kertas edaran dan laporan - laporan yang diterima dari pihak tertentu seperti Universiti Sains Malaysia ( USM ) dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan ( PPPP ) . Dokumen - dokumen berkenaan diperolehi dari simpanan sendiri di samping diberi oleh pegawai - pegawai dalam KPM .

#### a . Kertas Dasar ( KD ) <sup>7</sup>

KD adalah kertas cadangan pelaksanaan Sukatan Pelajaran Agama Islam 1977 yang disediakan oleh Bahagian Pendidikan Islam ( BPI ) dan Pusat Perkembangan Kurikulum ( PPK ) dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kurikulum ( JPK ) , KPM pada 17 hb . Januari 1977 untuk mendapatkan kelulusan sebelum ia diimplementasikan di semua sekolah rendah seluruh negara . Mesyuarat JPK ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia ( KPPM ) . Ia bertanggungjawab membincangkan implikasi pelaksanaan sukatan pelajaran tersebut terutamanya dari segi menentukan prosedur percubaan dan pelaksanaan sukatan pelajaran , penyediaan buku teks dan kursus orientasi kepada semua guru agama supaya pelaksanaannya dapat berjalan dengan baik dan berkesan mengikut jadual yang telah ditetapkan <sup>8</sup> .

KD tersebut bertajuk ‘ Langkah - Langkah Pelaksanaan Sukatan Pelajaran Agama Islam Bagi Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan ’ . Dalam KD itu , pihak BPI dan PPK telah memohon kebenaran majlis untuk melaksanakan sukatan pelajaran tersebut

<sup>7</sup> Kertas dasar adalah kertas cadangan satu - satu dasar yang dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kurikulum untuk mendapatkan kelulusan bagi melaksanakannya .

<sup>8</sup> Buku *Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah* , KPM ( 1992 ) . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , h . 44 dan 45 .

melalui dua peringkat . Pertama , peringkat percubaan terhad , tujuannya adalah untuk mengenal pasti kesesuaian isi kandungan sukan pelajaran berkenaan dengan tahap pencapaian para pelajar sekolah rendah . Kedua , peringkat pelaksanaan penuh sukan pelajaran berkenaan di semua sekolah rendah seluruh negara dengan kerjasama semua pihak dalam KPM seperti Bahagian Pendidikan Guru ( BPG ) , Bahagian Teknologi Pendidikan ( BTP ) , Jemaah Nazir Sekolah ( JNS ) , Jabatan Pendidikan Negeri ( JPN ) dan Pejabat Pendidikan Daerah ( PPD ) ( Lihat Lampiran A ) .

b . Kertas Makluman ( KM ) <sup>9</sup>

KM adalah kertas cadangan perubahan isi kandungan *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan KBSR / KBSM yang diadakan dalam tahun 1993 untuk dilulus dan dilaksanakan di semua sekolah rendah seluruh negara . Mesyuarat ini bertanggungjawab melulus dan melaksanakan perubahan isi kandungan sukan pelajaran tersebut , menentukan tugas antara bahagian dalam KPM dan mendapatkan maklum balas dan laporan dari semua pihak dalam KPM <sup>10</sup> .

KM tersebut bertajuk ‘ Strategi Pelaksanaan Mata Pelajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah ’ . Dalam KM itu , pihak PPK memaklumkan bahawa isi kandungan sukan pelajaran tersebut yang telah dilaksanakan di semua sekolah rendah seluruh negara dari tahun 1983 hingga 1994 disemak semula dan diselaraskan dengan laporan

<sup>9</sup> Kertas makluman adalah kertas dasar yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kurikulum dan ia dibincang pula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan KBSR / KBSM untuk makluman dan tindakan pihak berkenaan seperti Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah .

<sup>10</sup> KPM ( 1992 ) , op . cit . , h . 44 dan 45 .

yang diterima oleh PPK seperti laporan JPN , PPD dan JNS . Isu - isu yang ditimbulkan adalah seperti berikut :

- i . Kemahiran tajwid terlalu tinggi dan diajar terpisah dengan bacaan al - Quran .
- ii . Bilangan ayat al - Quran yang dibaca , dihafaz dan difahami banyak menyebabkan latih tubi kemahiran membaca dan menghafaz al - Quran tidak dapat dijalankan dengan sempurna .
- iii . Pelajaran Jawi tidak dapat dikuasai oleh pelajar dan menjelaskan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kerana buku teks Pendidikan Islam ditulis dalam tulisan Jawi .

Justeru , KM mencadangkan beberapa tajuk kemahiran tajwid yang penting sahaja dikekalkan di peringkat sekolah rendah seperti tanda *mad* dan *waqaf* , *alif lam qamariyyah* dan *syamsiyyah* , nun dan mim bertanda sabdu , nun mati dan *tanwin* dan mim mati . Bagi kemahiran membaca al - Quran sebanyak 30 surah bacaan dikekalkan iaitu dari surah *al - Fatihah* hingga surah *al - Tariq* . Bagi kemahiran menghafaz sebanyak 17 surah hafazan dikekalkan iaitu dari surah *al - Fatihah* hingga surah *al - Kawthar* ; surah *al - Qadr* ; surah *al - Syarh* ; dan surah *al - Duha* . Bagi kemahiran memahami ayat hanya enam surah dikekalkan iaitu surah *al - Fatihah* , *al - Nas* , *al - Falaq* , *al - Ikhlaṣ* , *al - Kafirūn* dan *al - 'Asr* ( Lihat Lampiran B ) . Untuk membolehkan para pelajar menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi , Pelajaran Jawi diajar dari tahun satu hingga tahun enam mulai sesi persekolahan 1991 , sebelum itu ( 1985 - 1990 ) ia diajar dari tahun tiga hingga tahun enam <sup>11</sup> .

<sup>11</sup> ' Kajian Pelaksanaan Pelajaran Jawi Kurikulum Baru Sekolah Rendah ' ( Laporan Pusat Perkembangan Kurikulum Tentang Pelaksanaan Pelajaran Jawi Kurikulum Baru Sekolah Rendah Yang Dibentangkan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan KBSR / KBSM di Pusat Perkembangan Kurikulum , 1992 , h . 3 .

Semua perubahan tersebut telah diluluskan oleh mesyuarat berkenaan dan dimasukkan ke dalam *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam 1994* dan dilaksanakannya di semua sekolah rendah seluruh negara mulai tahun sesi persekolahan Disember 1994 / 95 .

#### c . Bahan Kurikulum <sup>12</sup>

Bahan - bahan kurikulum yang menjadi rujukan kajian ini ialah bahan - bahan panduan pelaksanaan kurikulum baru dan bersepadu sekolah rendah . Bahan - bahan tersebut dibekalkan oleh KPM kepada semua sekolah rendah di seluruh negara . Bahan - bahan tersebut adalah seperti berikut :

i . *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*

(1995 ) , PPK . Kuala Lumpur .

ii . *Buku Panduan Penilaian Kendalian Sekolah Rendah*

( 1996 ) , PPK . Kuala Lumpur .

iii . *Matlamat , Rasional , Bidang Pelajaran dan Strategi*

*Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum Baru Sekolah*

*Rendah ( 1983 ) , KPM . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa*

*dan Pustaka .*

iv . *Panduan Am Kurikulum Baru Sekolah Rendah ( 1983 ) .*

KPM , Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka .

---

<sup>12</sup> Bahan kurikulum adalah bahan rujukan pelaksanaan Pendidikan Islam dan kurikulum baru dan bersepadu sekolah rendah . Ia disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum , KPM dan diberi kepada semua sekolah rendah seluruh negara sebagai bahan rujukan termasuk guru agama .

Selain itu , bahan - bahan panduan pelaksanaan Pendidikan Islam seperti sukanan pelajaran , buku panduan khas dan kit pembelajaran juga dirujuk . Bahan - bahan tersebut diberi kepada peserta kursus orientasi Pendidikan Islam yang telah diadakan di PPK . Manakala kit pembelajaran dibekalkan terus oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ke semua sekolah rendah di seluruh negara . Bahan - bahan tersebut adalah seperti berikut :

- i . *Buku Panduan Khas Pendidikan Agama Islam Tahap Satu*  
*(1983 ) , KPM . Kuala Lumpur : Dany Press Sdn . Bhd .*
- ii . *Buku Panduan Khas Pendidikan Agama Islam Tahap Dua*  
*( 1990 ) , KPM . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka .*
- iii . *Buku Panduan Khas Pendidikan Agama Islam Tahun Empat (1985 ) , KPM . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka .*
- iv . *Buku Panduan Khas Pendidikan Agama Islam Tahun Lima (1986 ) , KPM . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka .*
- v . *Buku Panduan Khas Pendidikan Agama Islam Tahun Enam (1987 ) , KPM . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka .*
- vi . *Kit Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Tahap Satu*  
*(1983 ) , KPM . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka .*
- vii . *Sukanan Pelajaran Agama Islam Sekolah Rendah (1977 ) .*  
Penerbit dan Pencetak : Pusat Perkembangan Kurikulum .
- viii . *Sukanan Pelajaran Agama Islam Sekolah Rendah (1982 ) .*  
KPM . Kuala Lumpur : Percetakan Watan .

Kertas - kertas edaran rujukan disertasi adalah kertas - kertas edaran yang telah disediakan oleh Unit Agama PPK dan diedarkan kepada para peserta kursus orientasi pelaksanaan Pendidikan Islam kurikulum baru dan bersepadu sekolah rendah yang telah diadakan di PPK . Para peserta kursus tersebut terdiri daripada guru besar sekolah rendah , pegawai - pegawai agama bahagian KPM , JPN , PPD dan guru - guru agama kakitangan penting ( KP ) yang dilantik oleh JPN . Berikut adalah antara kertas edaran PPK :

i . Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan

Islam Kurikulum Baru Sekolah Rendah ( 1984 )

ii . Falsafah Pendidikan Kebangsaan ( 1988 )

iii . Program Pendidikan Islam Kurikulum Baru Sekolah

Rendah ( 1988 )

iv . Semakan KBSR : Isu - Isu Yang Perlu Dipertimbangkan

( 1991 )

v . Isu - Isu Dalam Pelaksanaan Pendidikan Islam Kurikulum

Baru Sekolah Rendah ( 1992 ) .

vi . Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Secara Menyeluruh

( 1994 ) .

vii . Falsafah dan Matlamat Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu

Sekolah Rendah ( 1994 ) .

---

<sup>13</sup> Kertas edaran adalah kertas rujukan pelaksanaan Pendidikan Islam kurikulum baru dan bersepadu sekolah rendah . Ia diberi semasa kursus orientasi diadakan di Pusat Perkembangan Kurikulum .

viii . Soal Jawab Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah  
dan Menengah ( 1994 )

ix . Perubahan Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam  
Sekolah Rendah ( 1994 ) .

x . Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah ( 1995 )

e . Laporan Pelaksanaan<sup>14</sup>

Pelaksanaan Pendidikan Islam kurikulum baru dan bersepadu sekolah rendah telah dibimbing dan dipantau oleh pihak tertentu seperti USM , PPK , JNS , JPN dan PPD . Pelaporan bimbingan dan pemantauan tersebut telah dihantar ke PPK dan dibincang untuk tindakan selanjutnya . Laporan - laporan tersebut adalah seperti berikut :

i . Laporan Percubaan Sukatan Pelajaran Agama Islam Sekolah

Rendah ( 1981 ) , PPK .

ii . Laporan Pelaksanaan dan Maklum Balas Kurikulum

Baru Sekolah Rendah ( 1989 ) , PPK .

iii . Laporan Program dan Pelaksanaan Kurikulum Baru

Sekolah Rendah 1982 - 1989 ( 1990 ) , PPK .

vi . Laporan Projek Penyelidikan Penilaian Pendidikan Agama  
Islam ( 1990 ) , USM .

v . Laporan Kajian Pelaksanaan Tugas dan Tanggungjawab

Guru - Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah ( 1993 ) , BPPP .

<sup>14</sup> Laporan pelaksanaan adalah laporan pelaksanaan Pendidikan Islam KBSR yang disediakan oleh pelbagai pihak dalam dan luar Kementerian Pendidikan Malaysia .

#### **f . Panduan Membaca dan Menterjemah Al - Quran**

Pembacaan dan Penulisan al - Quran yang diajar kepada para pelajar berpandukan kepada al - Quran *mashaf rasm uthmāni* manakala terjemahannya berpandukan kepada kitab *Tafsir Pimpinan al - Rahman* yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ( JAKIM ) . Ia selaras dengan pengajaran dan pembelajaran serta terjemahan al - Quran yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri seluruh Malaysia .

#### **g . Pengalaman Penyelidik**

Penyelidik adalah seorang bekas mahasiswa (1974 - 1978 ) Jabatan Usuluddin dan Falsafah , Fakulti Pengajian Islam , Universiti Kebangsaan Malaysia . Sebelum melanjutkan pelajaran ke universiti tersebut , penyelidik telah berkhidmat sebagai guru agama di sekolah rendah dan menengah di daerah Kota Setar dan Kubang Pasu , Kedah . Selepas memperolehi ijazah pertama dari universiti tersebut , penyelidik dilantik sebagai pensyarah di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka ( 1978 ) , Maktab Perguruan Seri Kota , Kuala Lumpur ( 1979 ) dan akhir sekali di Maktab Perguruan Sultan Idris , Tanjung Malim , Perak pada awal tahun 1980 .

Penyelidik ditukarkan ke PPK pada bulan lima tahun 1980 bertujuan untuk membantu KPM menggubal Pendidikan Islam kurikulum baru dan bersepadu sekolah rendah . Sebagai pegawai kurikulum , penyelidik terlibat secara langsung dalam penggubalan dan pelaksanaan kedua - dua kurikulum tersebut . Ia bermula dari peringkat

perancangan dasar dan penggubalan kurikulum ( 1980 - 1982 ) ; percubaan sukatan pelajaran ( 1982 - 1987 ) ; pelaksanaan penuh sukatan pelajaran ( 1983 - 1988 ) ; kursus orientasi pelaksanaan terhad dan penuh sukatan pelajaran ( 1981 - 1988 ) ; pembimbingan dan pemantauan ( 1981 - 1993 ) ; penyemakan semula dan penyediaan laporan *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* ( 1990 - 1993 ) ; dan menggubal dan mengadakan kursus orientasi ( 1994 - 1996 ) pelaksanaan penuh *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam 1994* mulai sesi persekolahan tahun 1995 .

Di samping itu , penyelidik terlibat secara langsung dalam program perancangan dan pelaksanaan kurikulum baru dan berspadu sekolah rendah . Bermula dari peringkat merancang , menggubal , mencuba , memberi taklimat , memberi kursus orientasi , melaksana sukatan pelajaran , membimbing dan memantau sekolah pelaksanaan penuh di peringkat negeri dan menyediakan laporan penyemakan semula KBSR secara menyeluruh termasuk Pendidikan Islam untuk tindakan pihak yang berkaitan .

### **Rasional dan Skima Penyusunan Disertasi**

Disertasi ini dibahagikan kepada lima bab . Bab pertama memberi pengenalan ringkas tentang KBSR dan KBSM termasuk mata pelajaran Pendidikan Islam dan proses pembentukannya . Kurikulum tersebut merangkumi aspek penyediaan bahan kurikulum , percubaan dan pelaksanaan penuh sukatan pelajaran di semua sekolah rendah di seluruh negara . Bab ini juga menyatakan tujuan dan kepentingan kajian ; metodologi kajian ; dan bahan rujukan kajian .

Bab kedua menjelaskan kepentingan dan peranan pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan secara tersurat dalam konteks pelaksanaan dasar dan sistem pendidikan kebangsaan . Ia mencerminkan jenerasi Malaysia yang hendak dibentuk melalui kurikulum baru dan bersepada sekolah rendah dan menengah . Di samping itu , diperjelaskan peranan pernyataan Falsafah Pendidikan Islam secara tersurat untuk Pendidikan Islam yang menjadi panduan kepada penggubal dan pelaksana Pendidikan Islam . Tujuan bab ini adalah untuk menyediakan asas bagi perbincangan tentang KBSR pada bab - bab berikutnya .

Bab ketiga menjelaskan pelaksanaan terhad Sukatan Pelajaran Agama Islam 1977 sebelum pelaksanaan penuh KBSR . Hasil laporan sukatan pelajaran ini digubal *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* dan dilaksanakan dari tahun 1982 hingga tahun 1984 di semua sekolah rendah di seluruh negara . Selepas itu Pendidikan Islam dilaksanakan bersama mata - mata pelajaran lain dalam KBSR .

Bab keempat menjelaskan pelaksanaan terhad dan penuh *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* dalam kurikulum baru dan bersepada sekolah rendah . Dipertajaskan seperti kesepaduan , kaedah , teknik , penilaian dan kepentingan pemantauan agar pelaksanaan Pendidikan Islam lebih berkesan . Hasil dapatan pelaksanaan sukatan pelajaran tersebut , satu sukatan pelajaran agama yang baru telah digubal iaitu *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam 1994* dan dilaksanakan di peringkat sekolah rendah mulai tahun 1995 . Bab ini dan bab ketiga sebelumnya merupakan bab - bab presentasi data dalam kajian ini yang menjelaskan proses pembentukan dan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam dalam KBSR .

Bab kelima merupakan bab utama dalam kajian ini . Bab ini cuba memberi penilaian yang kritis terhadap proses pembentukan dan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam dalam KBSR dan juga kandungan kurikulum itu sendiri . Kekuatan dan kelemahan cuba dikenal pasti sebagai asas mengemukakan saranan ke arah mempertingkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan Pendidikan Islam sekolah rendah .